



SURAT PEKELILING BENDAHARI
BILANGAN 7 TAHUN 2021

MENERIMA PAKAI PK 2.2 BERKAITAN KAEDAH
PELAKSANAAN PEROLEHAN/PROJEK KERAJAAN TAHUN 2021

Pejabat Bendahari

08 Julai 2021

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan/Pengarah

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 2 (9)

08 Julai 2021

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 7 TAHUN 2021 **MENERIMA PAKAI PK 2.2 BERKAITAN KAEDAH** **PELAKSANAAN PEROLEHAN/PROJEK KERAJAAN TAHUN 2021**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Malaysia Kelantan berkenaan menerima pakai PK 2.2 Berkaitan Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2021.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Cadangan menerima pakai PK 2.2 Berkaitan Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2021 telah dibentangkan dan diperakukan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 2 Tahun 2021 yang telah bersidang pada 28 Mei 2021 dan telah diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3 Tahun 2021 pada 14 Jun 2021.
- 2.2 Kementerian Kewangan pada awal suku kedua tahun 2020 telah memberi beberapa kelonggaran tatacara dan peraturan perolehan bagi menyokong usaha Kerajaan tersebut selain memastikan prosedur berkenaan juga selaras dengan Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Penularan COVID-19 di Tempat Kerja yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta pematuhan *Manual Operasi Standard* (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM).
- 2.3 Kementerian Kewangan telah memaklumkan bahawa **TIDAK SEMUA** kelonggaran yang diberikan oleh Kementerian Kewangan pada tahun 2020 dipanjangkan ke tahun 2021. Oleh yang demikian, hanya kelonggaran yang digariskan di bawah pekeliling ini sahaja yang boleh diguna pakai bagi pelaksanaan perolehan/projek pada tahun ini.

3.0 KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN/PROJEK KERAJAAN TAHUN 2021

- 3.1 Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan mengenai Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2021 (PK 2.2) sebagaimana di **Lampiran A** dan berkuat kuasa mulai 25 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021 sahaja.

4.0 KAEDAH PEROLEHAN KERJA

- 4.1 Bagi mempercepatkan proses perolehan dan meningkatkan aktiviti ekonomi, had nilai perolehan kerja Kerajaan dinaikkan ke nilai ambang baharu seperti dalam Jadual 1 berikut:

BIL	KAEDAH PEROLEHAN	HAD NILAI	SYARAT PEROLEHAN
a.	Lantikan terus	Sehingga RM20,000 (Kekal had nilai sedia ada seperti dalam PP/PK2.1)	<ul style="list-style-type: none">• Kontraktor tempatan.• Kontraktor berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred G1.• Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut:<ol style="list-style-type: none">i. berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB); atauii. mempunyai PPK dan Sijil Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA) (di Sabah); atauiii. mempunyai PPK dan Sijil Unit Pendaftaran Kerja dan Juruperunding (UPKJ) (di Sarawak).
b.	Kerja <i>requisition</i> secara undian	Sehingga RM100,000	<ul style="list-style-type: none">• Menggunakan Jadual Kadar Kerja.• Kontraktor tempatan.• Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G1.• Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut:

BIL	KAEDAH PEROLEHAN	HAD NILAI	SYARAT PEROLEHAN
			<ul style="list-style-type: none"> i. berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK, SPKK serta STB; atau ii. mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii. mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak). <ul style="list-style-type: none"> • Bagi pelaksanaan kerja kategori elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sembilan (9) sistem mekanikal dikekalkan seperti PK1.1 dan PK2.1 dengan had nilai seperti di Jadual 1, PK2.2.
c.	Sebut harga	Melebihi RM20,000 sehingga RM200,000	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan. • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G1. • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK; atau ii. mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii. mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak). • Bagi pelaksanaan kerja kategori elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sembilan (9) sistem mekanikal dikekalkan seperti PK1.1 dan PK2.1 dengan had nilai seperti di Jadual 1, PK2.2.
		Melebihi RM200,000 sehingga RM500,000	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan. • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G2. • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK; atau ii. mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii. mempunyai mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak).

BIL	KAEDAH PEROLEHAN	HAD NILAI	SYARAT PEROLEHAN
		Melebihi RM500,000 sehingga RM800,000	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi pelaksanaan kerja kategori elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sembilan (9) sistem mekanikal dikekalkan seperti PK1.1 dan PK2.1 dengan had nilai seperti di Jadual 1, PK2.2. • Kontraktor tempatan. • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G3. • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK; atau ii. mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii. mempunyai mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak). • Bagi pelaksanaan kerja kategori elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sembilan (9) sistem mekanikal dikekalkan seperti PK1.1 dan PK2.1 dengan had nilai seperti di Jadual 1, PK2.2.
d.	Tender	Melebihi RM800,000	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan. • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G3 hingga G7. • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK; atau ii. mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii. mempunyai mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak). • Bagi pelaksanaan kerja kategori elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sembilan (9) sistem mekanikal dikekalkan seperti PK1.1 dan PK2.1 dengan had nilai seperti di Jadual 1, PK2.2.

Jadual 1 : Had Nilai Perolehan Kerja

5.0 HAD NILAI BAGI PIHAK BERKUASA MELULUS

- 5.1 Had nilai untuk memutuskan sebut harga oleh Jawatankuasa Sebut Harga adalah daripada melebihi RM20,000 sehingga RM800,000 bagi pelaksanaan perolehan kerja yang tertakluk kepada PK 2.2.

6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga 31 Disember 2021 sahaja.

Sekian, terima kasih.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”
“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



MOHD YUSRI BIN AWANG
Timbalan Bendahari Kanan
Menjalankan Tugas Bendahari
b.p: Naib Canselor